



18 Oktober 2016
18 October 2016
P.U. (A) 263

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT ECO MAJESTIC) 2016

FEDERAL ROADS (ECO MAJESTIC INTERCHANGE) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT ECO MAJESTIC) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Eco Majestic) 2016.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 2016.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Eco Majestic yang merupakan sebahagian daripada Lebuh Raya Kajang-Seremban bermula di kilometer 10.47 di koordinat U 320698.462, T 425685.098 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 11.11 di koordinat U 320054.254, T 425697.390 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) Lebuh Raya Kajang-Seremban, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.0 Lebuh Raya Kajang-Seremban termasuklah Persimpangan Bertingkat Kajang Selatan, Plaza Tol Masuk/Keluar Kajang Selatan, Persimpangan Bertingkat Semenyih, Plaza Tol Masuk/Keluar Semenyih, Persimpangan Bertingkat Eco Majestic, Plaza Tol Masuk/Keluar Eco Majestic, Persimpangan Bertingkat Pajam, Plaza Tol Masuk/Keluar Pajam, Persimpangan Bertingkat Mantin, Plaza Tol Masuk/Keluar Mantin, Persimpangan Bertingkat Setul, Plaza Tol Masuk/Keluar Setul, Plaza Tol Masuk/Keluar Ampangan, Persimpangan Bertingkat Jelebu, Persimpangan Bertingkat Paroi dan jalan-jalan sambungannya yang berakhir di koordinat U 320339.721, T 426768.025 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.